



# Wanita dihanyutkan arus ketika menyeberang jambatan gantung

Oleh **Khairulmizan Yahya** - Mac 3, 2023 @ 2:41pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)




Foto hiasan.

**ROMPIN:** Seorang wanita dikhawatir lemas selepas dihanyutkan arus deras ketika menyeberangi jambatan gantung Kampung Aur di Bukit Ibam, dekat Muadzam Shah, di sini, pagi tadi.

Kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 pagi dengan mangsa dikenali sebagai Nur Hafizah Zailan, 23, dari Lorong Gangsa 2, Bukit Ibam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, mengesahkan kejadian itu susulan laporan diterima Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Muadzam Shah Balai Polis Bukit Ibam.

"Sepasukan lapan anggota dan pegawai dikeharkan ke lokasi kejadian dengan pacuan empat roda untuk membantu dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR).

"Selain bomba, turut membantu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)," katanya.